Vol.

DOI:

معالم القرآن والسنة
MAʿALIM AL-QURAN WA AL-SUNNAH

Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah
XXXXXXXXXXXXXX
ISSN: 1823-4356 | eISSN: 2637-0328
https://doi.org/xxxxxxxxxxxxxxx
Submission date: xxxxxxxxxxxx
Accepted date: XXXXXXXXX
Published date: XXXXXXXXX
Copyright © 2022 Fadzlan Abd Kadir

MANHAJ KRITIKAN *MUḤADDITHŪN* TERHADAP RIWAYAT SIRAH DAN PENERAPANNYA DALAM PENULISAN SIRAH

METHODOLOGY OF CRITICISM BY HADITH SCHOLARS UPON SEERAH NARRATIONS AND ITS APPLICATION IN SĪRAH WRITING

Fadzlan Abd Kadir
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,
11800 USM Pulau Pinang, Malaysia.
Emel: fadzlan@student.usm.my

Roshimah Shamsudin
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,
11800 USM Pulau Pinang, Malaysia.
Emel: roshimah@usm.my

ABSTRAK

Usaha untuk memelihara hadith-hadith Nabi SAW menuntut para *muḥadithūn* menapis riwayat-riwayat yang disandarkan kepada Nabi SAW termasuklah riwayat sirah. Rentetan itu, tercetuslah manhaj kritikan yang dirintis sejak zaman sahabat lagi. Namun, penerapan manhaj kritikan dalam penulisan sirah secara keseluruhannya bukanlah mudah memandangkan ilmu sirah dibanjiri dengan pelbagai riwayat yang tidak menepati kriteria penerimaan golongan *muḥaddithūn*. Justeru, penulisan ini bertujuan untuk mengkaji manhaj kritikan *muḥaddithūn* dan penerapannya dalam penulisan sirah. Dengan itu, kajian berbentuk kualitatif dijalankan dengan melaksanakan kaedah pengumpulan data daripada karya-karya utama hadith dan juga sirah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kritikan para *muḥaddithūn* ke atas riwayat sirah adalah berasaskan kritikan terhadap sanad dan matan. Dalam mengaplikasikan manhaj kritikan *muḥaddithūn* terhadap penulisan sirah, perlunya bersikap *murūnah*. Ini dilakukan dengan cara meletakkan setiap riwayat pada kedudukannya yang benar

Vol.
DOI:
معالم القرآن والسنة
MaʿALIM AL-QURAN WA AL-SUNNAH
Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah
XXXXXXXXXXXXXX
ISSN: 1823-4356 | eISSN: 2637-0328
https://doi.org/xxxxxxxxxxxxxxx
Submission date: xxxxxxxxxxxx
Accepted date: XXXXXXXXX
Published date: XXXXXXXXX
Copyright © 2022 Fadzlan Abd Kadir

iaitu dengan mengutamakan riwayat yang sahih dan *ḥasan* serta bersikap *tasāhul* pada aspek yang dibenarkan berdasarkan disiplin yang telah ditetapkan.

Kata Kunci: Manhaj Kritikan, *Muḥaddithūn*, Sirah, Ilmu Hadith.

ABSTRACT

Efforts in preserving the hadiths of Prophet Muhammad (PBUH) obligate the hadith scholars to filter narrations attributed to the Prophet (PBUH), including those on his biography. These efforts have given birth to a methodology used to criticise the narrations since the days of the companions. However, applying the methodology to narrations pertaining to the biography of the Prophet (PBUH) or the sīrah has been a challenging task given the multitude of narrations that do not meet the criteria of acceptance by the *muḥaddithun* that infiltrate the knowledge of sīrah. Thus, this paper aims to scrutinise the methods of criticising hadiths employed by hadith scholars and the application of these methods on the works on sīrah. A qualitative study was conducted by collecting data from the major works on hadiths and sīrah. The finding demonstrates that the *muḥaddithun*'s critiques of the sīrah narrations are based on the critiques on sanad and matan. In applying the method, it is imperative to be *murunah*. This is done by placing each narration at its correct position by prioritising authentic and *ḥasan* hadiths, in addition to being *tasahul* on the permissible aspects based on the prescribed discipline.

Keywords: Methodology of Criticism, *Muhaddithun*, Sīrah, Sciences of hadith.

1. PENDAHULUAN

Sirah Nabi SAW adalah satu bidang ilmu yang penting dan menjadi perhatian bukan sahaja daripada kalangan umat Islam, malah pihak bukan Islam juga cuba untuk mengenali Islam atau mengkaji Islam dengan pelbagai tujuan. Dalam aspek periwayatan ilmu sirah, ramai ulama didapati memberikan kelonggaran. Namun, kelonggaran ini juga menyebabkan masuk dan tersebarnya pelbagai riwayat yang pelik dan asing ke dalam ilmu sirah sehingga mendorong para ilmuwan berjuang untuk membersihkan ilmu sirah melalui jalan kritikan berdasarkan manhaj kritikan

Vol.
DOI:
معالم القرآن والسنة
MAʿALIM AL-QURAN WA AL-SUNNAH
Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah
XXXXXXXXXXXXXX
ISSN: 1823-4356 | eISSN: 2637-0328
https://doi.org/xxxxxxxxxxxxxxx
Submission date: xxxxxxxxxxxx
Accepted date: XXXXXXXXX
Published date: XXXXXXXXX
Copyright © 2022 Fadzlan Abd Kadir

para *muḥaddithūn*. Justeru, penulisan ini bertujuan untuk mengkaji manhaj kritikan *muḥaddithūn* terhadap riwayat sirah dan penerapannya dalam penulisan sirah sebagai salah satu usaha membersihkan ilmu sirah daripada pelbagai riwayat yang boleh mencemarkannya di samping memelihara manfaat yang terkandung dalamnya.

2. DEFINISI MANHAJ KRITIKAN *AL-MUHADDITHŪN*

Istilah *al-naqd* dalam ilmu hadith merujuk kepada suatu usaha menilai status sesebuah hadith dengan menjelaskan kedudukan para perawi melalui lafaz dan petunjuk yang diketahui.[1]

Istilah *muḥaddithūn* digunakan bagi merujuk kepada golongan yang berkecimpung dengan hadith-hadith Nabi SAW. [2] Dari aspek bahasa *manhaj al-muḥaddithīn* bermaksud, "*jalan-jalan yang diikuti oleh para muḥaddithūn dalam urusan-urusan mereka*" yang secara umumnya turut merangkumi aspek ibadat, muamalat, kajian ilmu-ilmu umum dan lain-lain dari sudut am dan khas. Walaupun *manhaj al-muḥaddithīn* merupakan suatu istilah yang memiliki maksud yang lebih khusus, namun manhaj kritikan *al-muḥaddithūn* dalam konteks penulisan ini adalah dengan maksud bahasa iaitu manhaj para *muḥaddithūn* dalam melakukan kritikan.

3. ASAS PEMBENTUKAN MANHAJ KRITIKAN *AL-MUHADDITHŪN*

Dalam memelihara hadith-hadith Nabi SAW, para *muḥaddithūn* mengikuti suatu manhaj ilmu yang teguh, iaitu manhaj yang berasaskan petunjuk wahyu al-Quran dan Sunnah...

KESIMPULAN

Manhaj kritikan *muḥaddithūn* terhadap hadith-hadith Nabi SAW adalah berasaskan kritikan ke atas sanad dan matan. Manhaj ini terbina atas asas yang kukuh iaitu petunjuk al-Quran dan sunnah serta contoh yang diterjemahkan oleh para sahabat. Keunggulan dan keberkesanan sistem sanad yang dimiliki oleh *muḥaddithūn* dalam memelihara riwayat-riwayat sememangnya diakui oleh para ilmuwan. Kritikan ke atas matan pula dapat membantu mengesan sebarang kesilapan atau kesalahan dalam periwayatan melalui penggunaan neraca akal dan neraca perbandingan. Ini menandakan bahawa para *muḥaddithūn* telah mencurahkan usaha yang besar dalam

---

[1] ʿIsam Aḥmad al-Basyir, *Usul Manhaj al-Naqd ʿInda ahl al-Hadith* (Beirut: Mu'assasah al-Rayyan, 1992) 7.
[2] Nur al-Din ʿItr, *Manahij al-Muhaddithin al-ʿAmmah fi al-Riwayah wa al-Tasnif*, (Damsyik: Taibah, 2008), 8.

Vol.
DOI:
معالم القرآن والسنة
MAʿALIM AL-QURAN WA AL-SUNNAH
Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah
XXXXXXXXXXXXXX
ISSN: 1823-4356 | eISSN: 2637-0328
https://doi.org/xxxxxxxxxxxxxxx
Submission date: xxxxxxxxxxxx
Accepted date: XXXXXXXXX
Published date: XXXXXXXXX
Copyright © 2022 Fadzlan Abd Kadir

melakukan kritikan ke atas hadith-hadith Nabi SAW bagi memastikan sumber kedua agama ini terus terpelihara.

Sebagai sebahagian daripada riwayat hadith, kritikan para *muḥaddithūn* ke atas riwayat sirah juga adalah berasaskan kritikan ke atas sanad dan matan. Mengkaji manhaj kritikan mereka ke atas riwayat-riwayat sirah memerlukan kefahaman terhadap manhaj kritikan mereka ke atas riwayat-riwayat yang *ḍaʿīf*. Ini disebabkan riwayat-riwayat yang sahih atau *ḥasan* tidak perlu dibahaskan lagi daripada sudut penghujahan kerana kedua-duanya adalah riwayat yang *maqbūl* dalam ilmu hadith. Selain itu, penting untuk mengetahui konsep *tasāhul* yang diaplikasikan terhadap riwayat-riwayat yang lemah dan syarat-syaratnya. Penting juga untuk memahami kepentingan *tasāhul* dalam membina ilmu sirah yang penuh dengan riwayat-riwayat yang *ḍaʿīf*. Mensyaratkan kesahihan dalam penerimaan riwayat sirah akan mengakibatkan kelompongan yang besar dalam ilmu sirah sementara mengabaikan manhaj kritikan *muḥaddithūn* terhadap riwayat sirah pula mengakibatkan kemasukan pelbagai riwayat yang rosak. Mengadaptasi manhaj kritikan *muḥaddithūn* terhadap riwayat sirah memerlukan para pengkaji menerapkannya secara *murūnah*. Ini dilakukan dengan cara meletakkan setiap riwayat pada kedudukannya yang benar iaitu dengan mengutamakan riwayat yang sahih dan *ḥasan* serta ber*tasāhul* pada aspek yang dibenarkan berdasarkan disiplin yang telah ditetapkan.

RUJUKAN

[1] Al-Quran al-Karim.

[2] Al-ʿAlwani, Taha Jabir et al. *Al-Sunnah al-Nabawiyyah al-Syarifah wa Naqd al-Mutun*. Majalah Islamiyyah al-Maʿrifah. 10 (39), *5-43*, 2005.

[3] Al-ʿAsqalani, Aḥmad bin ʿAli bin Hajar. *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Taqwa, 2000.

[4] Al-Jauziyyah, Muhammad bin Abi Bakr bin Ayyub Ibn Qayyim. *Al-Manar al-Munif fī al-Sahih wa al-Daʿif*. Jeddah: Dar ʿAlam al-Fawa'id, 2007.

[5] Al-Jawaabi, Muḥammad Tahir. *Juhud al-Muhaddithin fī Naqd Matn al-Hadith al-Nabawi al-Syarif*. Tunisia: Muassasat ʿAbd al-Karīm bin ʿAbdullah, 1991.